



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel :03-26982878 / 26107087 Fax :03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

GENERAL CIRCULAR NO. 2/2016

THE EXEMPTION OF BUSINESS PREMISE LICENSE FOR CONSULTANCY PRACTICE

This General Circular is issued to inform all registered members operating a consultancy practice, are not required to apply for Business Premise License from the Local Authorities as stipulated under section 102(s) of the Local Government Act 1976 (Act 171).

This is pursuant to the decision of the meeting "Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) No. 27" (a copy of which is attached herewith) held on 4 December 1982, of which exempted professionals that are registered and licensed with the Professional Boards, from applying the Business Premise License.

By Order of the Board of Architects Malaysia,

(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Registrar

1 April 2016



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel :03-26982878 / 26107087 Fax :03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM BIL . 2/2016

PENGECCUALIAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN UNTUK PRAKTIS PERUNDINGAN

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan bahawa semua ahli berdaftar yang menjalankan praktis perundingan tidak perlu memohon Lesen Premis Perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan, seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Ini adalah berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke-27 (salinan disertakan bersama), yang telah diadakan pada 4 Disember 1982, yang mana telah mengecualikan semua profesional yang berdaftar dan berlesen dengan Lembaga Profesional masing-masing daripada memohon Lesen Premis Perniagaan.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,

(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Pendaftar

1 April 2016

Tempat : Bilik Gerakan, Tingkat 16,
Blok 9, Khazanah Malaysia,
Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Tarikh/Masa : 4hb. Disember, 1982, jam 9.30 pagi.

4. PERBINCANGAN KERTAS KERJA

4.1 Kertas MNKT Bil. 1/82 - Pengecualian Perlesenan Golongan Profesional Di bawah Seksyen 102(2) Akta Kerajaan Tempatan, 1976

4.1.1 Y.B. Dato' Pengerusi memberitahu bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 membolehkan setiap Penguasa Tempatan melesenkan apa-apa tred, perniagaan, perindustrian, profesion atau pekerjaan. Akibat daripada rayuan yang telah dibuat oleh beberapa golongan profesion pihak Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan bahawa seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 harus digantikan dengan satu seksyen yang baru seperti perenggan 1.1 Kertas Kerja ini. Cadangan Jabatan Peguam Negara akan menyelaraskan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang terlibat dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang telah dicadangkan oleh Jabatan Peguam Negara telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah menerima cadangan tersebut.

4.1.2 Oleh yang demikian tindakan hendaklah diambil oleh semua Penguasa Tempatan untuk mengecualikan semua badan profesion yang pada masa ini dikawal oleh Akta-Akta masing-masing dari dikenakan lesen oleh pihak Penguasa Tempatan. Di samping itu tindakan harus diambil untuk mengkaji semua undang-undang kecil perlesenan untuk menyelaraskan undang-undang kecil di bawah seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan, 1976 yang telah dicadangkan. Jangka masa untuk tindakan-tindakan yang diperlukan adalah singkat oleh kerana pindaan yang telah dicadangkan harus dibentangkan dalam Parlimen dalam sidangnyanya yang akan bermula pada bulan Mac, 1983. Y.B. Dato' Pengerusi menegaskan bahawa yuran-yuran lesen yang telah dikutip tidak harus dibayar balik kepada golongan-golongan profesion yang terlibat.